☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 4/2/2012
Hari: SABTU M/S: 11
Ruangan: UTARA

UUM, PNS jayakan francais

SINTOK 3 Feb. - Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) akan menjalinkan kerjasama untuk membangunkan program keusahawanan francais bagi melahirkan lebih ramai usahawan francais di Malaysia.

Naib Canselor UUM Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, melalui kerjasama itu, UUM akan memberi latihan dan penyelidikan kepada usahawan manakala PNS akan memberi sokongan dan nasihat serta bantuan dalam kepakaran.

Beliau berkata, melalui memorandum persefahaman (MoU) itu juga, UUM turut mewujudkan Kursi Pengajian Francais yang akan ditaja oleh PNS.

"Kita percaya dengan kewujudan Kursi Francais tajaan PNS di UUM, akan mengangkat bidang francais ke satu tahap yang lebih tinggi kerana ia adalah yang pertama diwujudkan di Malaysia," katanya kepada pemberita selepas menandatangani (MoU) antara UUM dengan PNS di sini semalam.

- BERNAMA